



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 4/2023

PEMAKAIAN SURAT MAKLUMAN JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT) BERKAITAN DASAR PELAKSANAAN TAKWIM PEPERIKSAAN DI UNIVERSITI AWAM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bilangan 7/2022 (Kali Ke-148) yang telah bersidang pada 09 November 2022 (Rabu) bersetuju meluluskan cadangan menggunakan surat makluman JPT berkaitan Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) agar **TIADA** peperiksaan dalaman dijadualkan pada hari Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum.

3. Semua staf akademik, pihak pengurusan fakulti dan bahagian yang berkaitan adalah disarankan untuk merujuk kepada dasar tersebut dalam memperkasakan pelaksanaan peperiksaan di UMK. Bersama-sama ini dilampirkan surat Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan di Universiti Awam seperti di Lampiran A dan senarai soalan lazim (FAQ) berkaitan dasar ini untuk dijadikan sebagai rujukan semua pihak di Lampiran B.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

02 JANUARI 2023

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar
- Semua Dekan / Pengarah Pusat Pengajian



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Rujukan kami :JPT.(A) 1000/001/019/01 Jld.27(41)
Tarikh :2 September 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

DASAR PELAKSANAAN TAKWIM PEPERIKSAAN DI UNIVERSITI AWAM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 untuk memupuk dan membentuk individu yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta sebagai tanda toleransi dan menghormati antara satu sama lain, semua Universiti Awam (UA) adalah dikehendaki menyusun jadual peperiksaan agar **TIADA** peperiksaan dijadualkan pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

3. Pelaksanaan dasar ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar bagi menunaikan tanggungjawab agama yang jatuh pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad dan meluangkan masa cuti umum bersama keluarga dan rakan. Pemakaian dasar ini hanya **terpakai bagi peperiksaan dalaman UA sahaja**. Manakala peperiksaan antarabangsa atau badan profesional adalah dikecualikan kerana jadual peperiksaan tersebut ditentukan oleh penyedia peperiksaan pihak luar.

4. Dalam pelaksanaan dasar ini, UA masih mengekalkan autonomi dalam meminda jadual Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) supaya mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk aktiviti PdP serta penilaian dan pentaksiran.



5. Pemakaian surat makluman dasar ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' PROF. DR. HUSAINI B. OMAR)

s.k.:

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
2. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi
4. Pengarah
Bahagian Governans Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pengarah
Bahagian Standard Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
6. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

SOALAN LAZIM

1. Apakah itu Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan?

Dasar Pelaksanaan Takwim Peperiksaan adalah satu dasar penyusunan jadual peperiksaan agar tiada peperiksaan dalaman universiti diadakan pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

2. Apakah tujuan dasar ini diperkenalkan?

Dasar ini diperkenalkan bertujuan memberi peluang kepada pelajar bagi menunaikan tanggungjawab agama yang jatuh pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad dan meluangkan masa cuti umum bersama keluarga dan rakan.

3. Adakah dasar ini terpakai untuk peperiksaan antarabangsa atau badan profesional?

Tidak. Dasar ini hanya terpakai bagi **peperiksaan dalaman** universiti sahaja.

4. Apakah definisi peperiksaan dalaman universiti?

Peperiksaan dalaman universiti bermaksud semua jenis ujian dan peperiksaan di universiti termasuk **kuiz, ujian pertengahan semester, peperiksaan akhir, peperiksaan khas dan lain-lain jenis penilaian** yang dilakukan oleh universiti.

5. Adakah dasar ini terpakai bagi semua pelajar di semua peringkat pengajian di universiti?

Tidak. Dasar ini hanya terpakai bagi pelajar **sepenuh masa di peringkat sarjana muda dan diploma** sahaja.

6. Adakah universiti diberi autonomi dalam penyusunan jadual Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) serta jadual peperiksaan dalaman universiti?

Ya. UA masih dikekalkan autonomi dalam meminda jadual Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) serta jadual peperiksaan dalaman universiti supaya mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk aktiviti PdP serta penilaian dan pentaksiran.

7. **Sekiranya universiti saya bekerja pada hari Jumaat/Ahad, bolehkah universiti saya mengadakan peperiksaan dalaman pada hari tersebut?**

Tidak. Dasar ini tidak membenarkan sebarang peperiksaan dalaman universiti diadakan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

8. **Sekiranya cuti umum gantian jatuh pada hari bekerja, bolehkah universiti mengadakan peperiksaan dalaman pada hari cuti umum gantian tersebut?**

Tidak. Dasar ini tidak membenarkan sebarang peperiksaan dalaman universiti diadakan pada hari cuti umum **termasuk cuti umum gantian**.

9. **Bolehkah universiti saya mengadakan peperiksaan dalaman pada hari Jumaat/ Sabtu/ Ahad/ Cuti Umum setelah mendapat persetujuan pelajar?**

Tidak.

10. **Adakah dasar ini terpakai bagi semester khas di universiti?**

Ya. Dasar ini terpakai bagi semua semester di universiti termasuk semester khas.

11. **Bolehkah universiti saya memohon penangguhan bagi penggunaan dasar ini?**

Tidak. Dasar ini adalah berkuatkuasa mulai 2 September 2022 dan semua universiti seharusnya menggunakan dasar ini dalam penyusunan jadual peperiksaan dalaman di universiti **mulai semester 1 sesi 2022/2023**.